

Britain angkuh kerana jual senjata

JITRA, Jumaat — Britain berani bersikap angkuh terhadap Malaysia semata-mata kerana mereka sedar bahawa negara ini terpaksa membeli senjata daripada mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, ketidakupayaan Malaysia mengeluarkan senjata sendiri sebaliknya terpaksa bergantung kepada senjata yang dibeli daripada Britain juga mendorongnya melemahkan pelbagai tohmahan terhadap negara ini.

Oleh itu, katanya rakyat negara ini perlu berusaha mempelajari pelbagai ilmu dunia dengan menguasai bidang kejuruteraan dan pembuatan senjata, supaya Malaysia tidak terus menjadi mangsa ejekan Britain.

“Baru-baru ini kita membeli senjata daripada British dan oleh kerana kita terpaksa membeli (senjata) daripada mereka, mereka menjadi begitu angkuh dan membuat bermacam tohmahan terhadap kita.

“Inilah kesannya daripada kurang pengetahuan dan kurang kebolehan di kalangan rakyat negara ini,” katanya.

Berucap di majlis berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Kampung Pulau Pisang, Tunjang, dekat sini malam ini, Perdana Menteri menekankan bahawa rakyat Malaysia tidak kurang pengetahuan untuk mengeluarkan senjata sendiri.

Sebab itu, katanya kerajaan mahu rakyat benar-benar memahami selok-belok agama dan pada masa sama mempelajari bermacam ilmu supaya boleh mencipta dan mengeluarkan senjata sendiri untuk mempertahankan diri.

“Kita sedang berusaha membuat senjata yang bukan bertujuan menyerang orang lain tetapi untuk mempertahankan diri sendiri,” katanya.